

# e-Lingua 1/2025

JANUARY 2025

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PULAU PINANG KAMPUS BERTAMBAH  
<http://www.uitm.edu.my>



Academy of Language Studies  
UiTM Cawangan Pulau Pinang



## Table of contents



<u>From the Editorial Team</u>	3
<u>Department News &amp; Reports</u>	4
<u>Club News &amp; Report</u>	27
<u>Self-Love First</u>	39
<u>Travelling</u>	46
<u>Home Garden</u>	58
<u>Teaching &amp; Learning</u>	64
<u>Lecturer's Contribution</u>	68
<u>Creative Writing</u>	81
<u>The Team</u>	90

# Pertandingan CelcomDigi Battle Arena University Series 2024: Kejayaan Besar E-Sukan di UiTM Cawangan Pulau Pinang

Oleh: Noor Azli Affendy Lee & Mohd Ikmal Fazlan Rozli @ Rosli

Pertandingan Mobile Legends: Bang Bang (MLBB) telah dianjurkan oleh Kelab Varsity E-Sports and Gamers Alliance (VEGA) dengan kerjasama CelcomDigi dari 2 hingga 5 November 2024. Pertandingan CelcomDigi Battle Arena University Series 2024 ini berjaya menarik penyertaan sebanyak 40 pasukan daripada pelbagai Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di utara Malaysia.

Selain pertandingan, program ini turut menampilkan dua legenda e-sukan Malaysia, On-the-go dan Fredo daripada pasukan O-Two. Mereka berkongsi pengalaman mengimbangi masa antara pembelajaran dan permainan dalam sesi talk show yang berlangsung dari jam 1 hingga 3 petang. Kehadiran mereka memberikan inspirasi kepada para pelajar dan pengunjung yang hadir. Selain itu, pasukan CelcomDigi dan Urban Republic by Switch turut memeriahkan acara dengan membuka reruai. CelcomDigi menawarkan 500 kad SIM percuma kepada pengunjung, manakala Urban Republic by Switch menyediakan peluang bermain PlayStation 5 secara percuma, menjadikan acara ini lebih menarik untuk semua yang hadir.

Pusingan saringan telah berlangsung secara atas talian pada 2 dan 3 November. Acara kemuncak pada 5 November diadakan di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh, di mana 8 pasukan terbaik bersaing secara bersemuka dalam pusingan akhir. Pasukan THBM X UiTM VEGA berjaya muncul juara dan membawa pulang wang tunai sebanyak RM1,500. Tempat kedua pula dimenangi oleh THBM X UiTM Varsity, dengan hadiah RM1,000. Kedua-dua pasukan ini merupakan wakil UiTM CPP, yang mendapat sokongan penuh daripada rakan industri UiTM, THB Maintenance Sdn. Bhd.



Pertandingan ini bukan sahaja memartabatkan UiTM sebagai penyokong aktif e-sukan, tetapi juga memberi peluang kepada pelajar untuk membina kemahiran komunikasi, kerja berpasukan, dan kepimpinan melalui platform kompetitif. CelcomDigi menaja sepenuhnya kos pertandingan ini, termasuk membawa dua legenda e-sukan ke UiTM CPP. Urban Republic by Switch turut menyumbang hadiah tambahan untuk tiga pemenang utama. Penajaan daripada pihak industri ini menunjukkan sokongan besar terhadap pembangunan e-sukan dalam kalangan pelajar.

Kejayaan program ini adalah hasil kerja keras Kelab VEGA di bawah bimbingan penasihat mereka, Ts. Dr. Mohd Ikmal Fazlan bin Rozli @ Rosli dan Encik Noor Azli bin Affendy Lee, serta kerjasama seluruh ahli kelab. Pengurusan Tertinggi UiTM CPP dan warga kampus turut memberikan sokongan penuh, memastikan kelancaran dan kejayaan acara ini.

